Written by Suliani Sedik
Monday, 13 May 2013 07:11 - Last Updated Monday, 13 May 2013 07:32

**Bandar Sierra, 13 Mei** – SRI Al-Hafidz buat julung kalinya telah menyertai Ihtifal Murid KAFA yang dianjurkan oleh KAFA negeri Sabah bertempat di Sekolah Agama Rakyat Nurul Hikmah

Kg Gudon, bagi daerah Menggatal kelmarin.

Seramai 30 pelajar tahun 3 dan 4 telah menyertai program tersebut yang dirasmikan oleh Ustaz Norjeli Bin Haji Dais, Pengarah JAKIM cawangan Sabah.

Menurut Ustazah Siti Nizam Samsudin, program sebegini mampu memperlihatkan kesungguhan pihak penganjur untuk memberi persaingan kepada sekolah agama yang mengaplikasikan program KAFA.

“Saya bersyukur walaupun pelajar SRI Al-Hafidz buat pertama kalinya terlibat dengan pertandingan seperti ini, namum mereka mampu mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan mereka”. Katanya.

Sebanyak 4 acara dipertandingkan dan dibahagikan kepada dua kategori  muslimin dan muslimat. Antaranya ialah pertandingan hafazan, tilawah, bercerita dan nasyid.

Untuk acara tilawah, adik Nurul Khadeeja Nabihah Nordin telah merangkul gelaran juara, manakala bagi kategori muslimin  tiada peserta didaftarkan.

Bagi pertandingan Hafazan, Adik Ahmad Ubaidah Anuar telah mendapat tempat ke-2 bagi kategori muslimin dan adik Atikah Wafiah mendapat tempat ke-3 bagi kategori muslimat.

Pertandingan nasyid pula, SRI Al-Hafidz tidak menghantar wakil namun, SRI Al-Hafidz hanya membuat persembahan Qasidah yang mampu memukau hadirin yang hadir.

Sehubungan itu, saya berharap agar SRI Al-Hafidz membuat persiapan awal untuk penyertaan tahun depan, memandangkan penyertaan tahun ini agak 'Last Minute'.

Untuk melihat gambar semasa majlis berlangsung sila klik di sini.

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

i)Bank Islam No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat No Akaun 1001-0002266-71-8

{flike}{fcomment}